



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***MOTIVASI UNTUK TERLIBAT DALAM BADAN SUKARELA
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM***

WAN NUR IZZATI MOHAMAD IDRUS

FPP 2015 72



**MOTIVASI UNTUK TERLIBAT DALAM BADAN SUKARELA DALAM
KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

WAN NUR IZZATI MOHAMAD IDRUS

Tesis ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains

Februari 2015

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis ini dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**MOTIVASI UNTUK TERLIBAT DALAM BADAN SUKARELA
DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

WAN NUR IZZATI MOHAMAD IDRUS

Februari 2015

Pengerusi : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji motivasi untuk terlibat dalam badan sukarela iaitu Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar universiti di sebuah Universiti Awam (UA) dalam konteks penglibatan dalam kesukarelawanan sebagai satu pendekatan pendidikan moral. Reka bentuk kajian ini ialah kajian gabungan iaitu kajian kuantitatif dan kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan deskriptif dan kaedah kajian kes. Instrumen kajian diubahsuai berdasarkan *Volunteer Function Inventory* (VFI) oleh Clary dan Snyder (1999). Sampel kajian soal selidik terdiri daripada 76 orang pelajar UA yang terlibat dalam Kelab Penyayang yang dipilih secara persampelan bertujuan. Manakala 9 orang pelajar UA yang memegang jawatan dalam Kelab Penyayang dipilih menjadi responden kajian dalam kaedah temu bual. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA adalah dimensi motivasi nilai peribadi ($M = 4.39$, $SP = 0.397$). Selain itu, dapatkan soal selidik turut mendapati bahawa sub dimensi motivasi tanggungjawab untuk membantu golongan yang memerlukan adalah sub dimensi motivasi paling utama bagi pelajar UA untuk terlibat dalam Kelab Penyayang ($M = 4.54$, $SP = 0.502$).

Dapatkan temu bual pula menunjukkan bahawa bahawa dimensi motivasi nilai peribadi adalah tema utama untuk pelajar UA terlibat dalam Kelab Penyayang. Antara sub tema dimensi motivasi nilai peribadi yang mendorong mereka terlibat adalah nilai tanggungjawab, rasa belas kasihan, kepercayaan agama dan nilai membantu. Terdapat juga tema dan sub tema bagi dimensi-dimensi motivasi seperti pembelajaran, sosial, kerjaya dan peningkatan diri yang turut mendorong responden kajian terlibat dalam Kelab Penyayang. Dapatkan kajian ini memberi implikasi bahawa pembentukan dan dorongan tingkah laku moral terutama penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan perlu dipertimbang dari aspek dimensi dan sub dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of
the requirement for the Degree of Master of Science

**MOTIVATION TO VOLUNTEER IN VOLUNTARY ORGANIZATION
AMONG STUDENTS IN PUBLIC UNIVERSITY**

By

WAN NUR IZZATI MOHAMAD IDRUS

February 2015

Chair : Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Faculty : Educational Studies

This study aims to investigate motivation to volunteer in voluntary organization namely Penyayang Club among university students in Public University (PU) in the context of participation in volunteerism as an approach to moral education. The design of this study is a mixed-method study of quantitative and qualitative research using a descriptive approach and case study method. The instrument used in this survey is a set of questionnaire adapted from Volunteer Function Inventory (VFI) by Clary and Snyder (1999). The sample of survey consisted of 76 PU students involved in Penyayang Club and were selected by purposive sampling. While 9 of PU students who hold positions in Penyayang Club were selected as interview respondents. The findings of this research shows that the main dimension of motivation to volunteer in Penyayang Club among PU students is personal values ($M = 4.39$, $SD = 0.397$). In addition, the findings of the questionnaires also found that the responsibility to help those in need is the most important sub-dimensions of motivation to participate in Penyayang Club among PU students ($M = 4.54$, $SD = 0.502$).

Interview data also show that the dimension of motivation of personal values is the main theme for PU students to be involved in Penyayang Club. They further explained that there are several subthemes of personal values that encourage them to be involved, namely the responsibility, compassion, religious beliefs and to help. However, there are also the themes and sub themes for other dimensions of motivation such as learning, social, career and enhancement that motivates respondents involved in Penyayang Club. The findings of this study implies that the formation and encouragement of moral behavior especially volunteering among university students must be considered in terms of dimensions and sub dimensions of motivation to volunteer.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih
Lagi Maha Penyayang

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana berkat limpah kurnia dan dengan izinNya, telah memberikan kesihatan yang baik, kesabaran dan semangat untuk saya menyempurnakan tesis ini. Pada kesempatan ini, saya dengan rasa rendah diri ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Penyeliaan saya iaitu Dr Nur Surayyah Madhubala Abdullah selaku penyelia utama dan juga Dr Nurzatulshima Kamarudin atas segala nasihat, dorongan, bimbingan dan keprihatinan semasa saya masih dalam proses menyiapkan tesis ini. Bimbingan, pandangan dan tunjuk ajar yang dihulurkan kepada saya banyak membantu kepada kejayaan penulisan tesis ini.

Tidak lupa juga dihulurkan rasa penghargaan buat Prof Emeritus Dr. Abdul Rahman Md. Aroff, Prof Dr Turiman Suandi, Prof Madya Dr Ahmad Fauzi Mohd Ayub, Prof Madya Dr Ismi Arif Ismail dan Prof Madya Dr Azizan Bahari atas ilmu dan bantuan yang diberikan sehingga memungkinkan tesis ini diselesaikan. Saya juga ingin berterima kasih kepada pihak *Centre for University Social Responsibility* (CENSERVE) UIAM terutama Puan Merhamah Md Iza kerana mengizinkan saya menjalankan kajian rintis dan memberikan kerjasama yang baik sepanjang keberadaan saya di UIAM. Terima kasih juga saya tujukan kepada Encik Sharudin Sahrani dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) dan Muhammad Farhan Abdul Rahman dari Kelab Penyayang kerana memberikan kerjasama dan bantuan kepada saya sepanjang proses pengumpulan data kajian.

Penghargaan istimewa diberikan untuk keluarga terutamanya buat ayahanda dan bonda tercinta, Mohamad Idrus Daud dan Wan Rohanah Sheikh Mohamad di atas pengorbanan yang tidak berbelah bahagi. Abah dan mama, terima kasih kerana sering berada di samping anakmu ini di saat suka dan duka. Terima kasih juga buat adik-beradik saya iaitu Nur Aisyah Mohamad Idrus dan Wan Alia Safiah Mohamad Idrus yang sentiasa memberikan dorongan dan sokongan. Tidak dilupakan juga penghargaan ini ditujukan buat teman-teman seperjuangan terutamanya Syafinaz Zainol, Rahimah Che Man, Maizura Yasin, Norzihani Saharuddin, Noor Zulina S De Asildo dan Mailadiniah atas nasihat, pandangan dan buah fikiran kalian. Akhir sekali untuk semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam membantu menyiapkan penulisan tesis ini. Terima kasih saya ucapkan.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat kepada keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Nur Surayyah Madhubala Abdullah, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

Nurzatulshima Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____

Tarikh: _____

Nama dan No. Matrik: _____

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: _____
Nama Pengerusi
Jawatankuasa
Penyeliaan _____

Tandatangan: _____
Nama Ahli
Jawatankuasa
Penyeliaan _____



SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
 BAB	
1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.2.1 Latar Belakang Kelab Penyayang	3
1.3 Penyataan Masalah	4
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Batasan Kajian	6
1.7 Definisi Operasional	6
1.7.1 Kesukarelawanan	6
1.7.2 Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	7
1.7.3 Sub Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	7
1.8 Kepentingan Kajian	9
1.9 Ringkasan	9
2 SOROTAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	10
2.2 Penglibatan dalam Kesukarelawanan Sebagai Pendekatan Pendidikan Moral	10
2.3 Konsep Kesukarelawanan	10
2.4 Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	13
2.5 Kajian Lepas	15
2.5.1 Kajian Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	15
2.5.2 Kajian Sub Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	18
2.6 Teori Asas	21
2.6.1 Teori Fungsi oleh Katz (1960)	22
2.6.2 Teori Perkembangan Moral oleh Bebeau, Rest dan Narvaez (1999)	22
2.6.3 Teori Tindakan Sosial oleh Fred Newmann (1975)	22

2.7	Kerangka Teoritikal Kajian	24
2.8	Ringkasan	25
3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	26
3.2	Reka Bentuk Kajian	26
	3.2.1 Kerangka Konseptual Kajian	28
3.3	Populasi	29
3.4	Lokasi Kajian	29
3.5	Persampelan	29
	3.5.1 Teknik Persampelan	30
	3.5.2 Pemilihan Sampel Kajian Kuantitatif	30
	3.5.3 Pemilihan Sampel Kajian Kualitatif	30
3.6	Instrumen Kajian	31
	3.6.1 Soal Selidik	32
	3.6.2 Protokol Temu Bual	34
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	35
	3.7.1 Kesahan	35
	3.7.2 Kebolehpercayaan	36
3.8	Prosedur Menjalankan Kajian	37
3.9	Kajian Rintis	38
3.10	Kajian Sebenar	40
3.11	Analisis Dapatan Kajian	40
	3.11.1 Analisis Soal Selidik	40
	3.11.2 Analisis Temu Bual	40
3.12	Rumusan Analisis Dapatan Keseluruhan	42
3.13	Ringkasan	42
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pengenalan	43
4.2	Latar Belakang Responden	43
	4.2.1 Latar Belakang Responden Kajian Soal Selidik	43
	4.2.2 Latar Belakang Responden Kajian Temu Bual	45
4.3	Dapatan Kajian Kuantitatif (Analisis Deskriptif)	46
	4.3.1 Apakah dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA?	46
	4.3.2 Apakah sub dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA?	47
4.4	Dapatan Kajian Kualitatif: Mengapakah dimensi motivasi paling utama mendorong pelajar UA terlibat dalam Kelab Penyayang?	51
	4.4.1 Dapatan Kajian Kualitatif: Dimensi Motivasi Nilai Peribadi	51
	4.4.2 Dapatan Kajian Kualitatif: Dimensi Motivasi Pembelajaran	56
	4.4.3 Dapatan Kajian Kualitatif: Dimensi Motivasi Kerjaya	57

	4.4.4 Dapatan Kajian Kualitatif: Dimensi Motivasi Sosial	58
	4.4.5 Dapatan Kajian Kualitatif: Dimensi Motivasi Peningkatan Diri	59
4.5	Perbincangan Dapatan Kajian	60
	4.5.1 Persoalan Kajian (1): Apakah dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA?	60
	4.5.2 Persoalan Kajian (2): Apakah sub dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA?	61
	4.5.3 Persoalan Kajian (3): Mengapakah dimensi motivasi paling utama mendorong pelajar UA terlibat dalam Kelab Penyayang?	61
4.6	Ringkasan	64
5	KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	
5.1	Pengenalan	66
5.2	Kesimpulan Dapatan	66
5.3	Implikasi Kajian	67
	5.3.1 Implikasi Teoritikal	67
	5.3.2 Implikasi Terhadap Pendekatan Pendidikan Moral	68
5.4	Cadangan	69
	5.4.1 Cadangan kepada Pihak Berkepentingan	69
	5.4.2 Cadangan bagi Kajian Masa Depan	69
5.5	Penutup	70
RUJUKAN		71
LAMPIRAN		77
A	Soal Selidik	78
B	Soal Selidik Asal	84
C	Transkrip Temu Bual	85
BIODATA PELAJAR		102

SENARAI JADUAL

Jadual	Halaman
3.1: Justifikasi Penambahan Item bagi Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	33
3.2: Nombor Item dalam Soal Selidik Kajian bagi Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	34
3.3: Alfa Cronbach bagi Setiap Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan	39
3.4: Analisis daptan berdasarkan persoalan kajian	42
4.1 : Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Jantina	44
4.2: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Bangsa	44
4.3: Taburan Frekuensi dan Peratusan Responden Berdasarkan Tahun Pengajian	45
4.4: Latar belakang responden kajian temu bual	45
4.5: Skor Min Keseluruhan dan Sisihan Piawai bagi Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kelab Penyayang dalam Kalangan Pelajar UA	46
4.6: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item-Item Dimensi Motivasi Nilai Peribadi	47
4.7: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item-Item Dimensi Motivasi Pembelajaran	48
4.8: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item-Item Dimensi Motivasi Kerjaya	49
4.9: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item-Item Dimensi Motivasi Sosial	49
4.10: Skor Min dan Sisihan Piawai bagi Item-Item Dimensi Motivasi Peningkatan Diri	50


SENARAI RAJAH

Rajah	Halaman
2.1 : Kerangka Teoritikal Kajian	24
3.1 : Kerangka Konseptual Kajian	28
3.2 : Langkah-langkah Melaksanakan Kajian	37

SENARAI SINGKATAN

BHEP	Bahagian Hal Ehwal Pelajar
DPBN	Dasar Pembangunan Belia Negara
IBM	Indeks Belia Malaysia
IPPBPM	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
UA	Universiti Awam
VFI	<i>Volunteer Functions Inventory</i>





© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Penglibatan dalam kesukarelawanan merupakan salah satu pendekatan yang penting dalam pendidikan moral. Hal ini kerana melalui penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan, segala pengetahuan yang dipelajari terutama berkaitan nilai-nilai murni dapat diaplikasikan sekaligus memberikan sesuatu yang berharga dan bermakna kepada masyarakat (Sharifah Fatmawati, 2008). Penglibatan dalam kesukarelawanan oleh golongan belia terutamanya para pelajar di peringkat universiti adalah sangat penting untuk memastikan pembentukan sahsiah mereka demi keharmonian dan kemakmuran negara. Kepentingan pembentukan tingkah laku bermoral dalam kalangan pelajar universiti telah ditekankan melalui Dasar Pembangunan Belia Negara (DPBN) dan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. DPBN yang telah diperkenalkan sejak tahun 1985 dan dikaji semula pada tahun 1997 bermatlamat untuk mewujudkan belia Malaysia yang memiliki peribadi yang baik dari aspek rohaniah, akliah dan jasmaniah. DPBN juga diwujudkan bagi melahirkan belia yang bertanggungjawab, berdikari, bersemangat sukarela dan patriotik serta menjadi penggerak kepada kemajuan dan kemakmuran bangsa, agama dan negara. Antara contoh strategi DPBN ini ialah perlunya pembentukan sikap positif dan kreatif yang dapat dipupuk melalui penerapan nilai-nilai murni yang dapat dilaksanakan melalui pelan tindakan yang telah digariskan di dasar tersebut. Pelan tindakan yang perlu dilaksanakan bagi mencapai strategi yang dirancang ialah dengan meningkatkan semangat kesukarelaan dan patriotisme melalui kerja-kerja amal dan kebajikan dan kemasyarakatan (Kementerian Belia dan Sukan Malaysia). Manakala PPPM 2013-2025 pula menzahirkan hasrat negara Malaysia untuk melahirkan rakyat yang pandai dalam menghayati nilai seperti telah dipelajari dari alam persekolahan supaya dapat diamalkan dalam kehidupan seharian. Contoh aplikasi penghayatan nilai dalam kehidupan seharian adalah melalui pelaksanaan tingkah laku sivik seperti penglibatan dalam kesukarelawanan bagi keharmonian dan kemakmuran masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia).

Berdasarkan pengenalan kepada DPBN dan PPPM 2013-2025, dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan pendidikan moral melalui penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan adalah sangat penting. Oleh kerana itu, penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan perlu digalakkan bagi menjadikan pendekatan pendidikan moral lebih efektif untuk diaplikasikan pada masa hadapan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Seseorang individu terutama dalam kalangan pelajar yang terlibat dalam kesukarelawanan dapat menjadi agen moral yang efektif di mana mereka membincangkan tentang apa yang perlu dilakukan apabila berada dalam situasi yang

berkonflik (Boss, 1994). Menurut Dewey (1939) dan Kohlberg (1971) seperti dipetik daripada Boss (1994), penglibatan dalam kesukarelawanan adalah sangat penting bagi perkembangan moral seseorang individu kerana dapat memberikan pengalaman sebenar dalam berhadapan dengan isu-isu moral seperti penyalahgunaan dadah, pembuangan bayi, pembunuhan, isu buli dan gangsterisme. Hal ini juga turut diakui oleh Nucci (1985) seperti dipetik daripada Boss (1994) yang berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan yang menumpukan kepada isu-isu kehidupan sebenar pelajar dapat menghasilkan perbincangan tentang isu-isu moral yang lebih berkesan.

Pendidikan moral memfokuskan kepada usaha untuk membentuk seseorang individu supaya menjadi insan yang bermoral. Menurut Lickona (1991), untuk menjadi seseorang individu yang bermoral, seseorang itu perlu mengetahui kebaikan, menginginkan kebaikan dan melakukan kebaikan. Dalam kajian ini, penglibatan dalam kesukarelawanan merupakan salah satu tindakan yang menggalakkan seseorang pelajar universiti untuk melakukan kebaikan di samping dapat memupuk mereka dengan nilai-nilai moral. Hal ini kerana penglibatan dalam kesukarelawanan seperti program khidmat komuniti dapat menghubungkan pelajar universiti secara lebih dekat dengan nilai-nilai murni dan pengetahuan moral (Vishalache, 2009). Hal ini turut diakui oleh Serow (1991) yang berpendapat bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan merupakan penambah nilai dalam pendidikan moral berbentuk konvensional yang dapat menghasilkan perkembangan positif seperti rasa tanggungjawab dan prihatin kepada orang lain. Dalton dan Crosby (2011) juga mempunyai pendapat yang sama bahawa penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan dapat menggalakkan mereka menjadi insan yang lebih bertanggungjawab dan bersetuju bahawa pelajar universiti juga dapat dipupuk dari segi nilai altruisme dan kasih sayang. Manakala Youniss dan Yates (1999) menegaskan bahawa penglibatan dalam kesukarelawanan dapat memupuk nilai keprihatinan yang dianggap sebagai salah satu bentuk tingkah laku moral. Maka dapat dikatakan bahawa penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan dapat menjadikan seseorang itu menjadi agen moral disamping dapat mendedahkan mereka dengan isu-isu moral yang berkaitan dengan kehidupan serta dapat memupuk nilai-nilai murni dalam diri mereka.

Oleh yang demikian penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan terutamanya oleh pelajar universiti adalah sangat penting. Ini kerana mereka merupakan pelapis masa hadapan negara dan seharusnya lebih aktif dan bersemangat untuk menyuarakan pandangan dan idea serta menyumbangkan tenaga dan kemahiran mereka untuk membangunkan masyarakat di Malaysia. Pelajar universiti juga merupakan golongan belia yang mempunyai potensi hebat dari segi idea, pengetahuan, keinginan dan pengalaman untuk menyumbang kepada negara (Turiman, 2009). Namun begitu, peringkat pelajar universiti juga merupakan peringkat yang paling kritikal dalam hidup seseorang manusia. Hal ini kerana di peringkat tersebut, mereka mempunyai potensi yang tinggi untuk diarahkan sama ada pada kebaikan mahupun keburukan bergantung kepada corak pendidikan yang diterima dan suasana persekitaran yang membentuk (Azimi, 2005; Sidek Baba, 2006). Oleh kerana itu, penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan dilihat sangat penting supaya mereka dapat mengaplikasikan potensi mereka ke arah kebaikan demi untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara.

Terdapat beberapa kesan positif yang terhasil melalui penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan. Antaranya seperti dapat meningkatkan tahap penaakulan atau

pemikiran moral pelajar universiti (Boss, 1994). Penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan membolehkan kemahiran sosial dan keyakinan dibentuk selain dapat menghalang pelajar universiti daripada terlibat dengan masalah sosial (Turiman, 2009). Selain itu, penglibatan dalam kesukarelawanan juga dapat mencegah tingkah laku antisosial dan memberi kesihatan fizikal kepada seseorang individu (Wilson, 2000).

Penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan dapat menjadikan mereka supaya lebih peka terhadap isu semasa seterusnya mengurangkan sikap mementingkan diri sendiri (Eyler & Giles, 1999; Youniss & Yates, 1997). Flanagan et al. (1998) pula berpendapat bahawa kesan positif bagi penglibatan belia dalam kesukarelawanan adalah dapat menghubungkan belia kepada masyarakat, membantu belia untuk lebih memahami prinsip kewarganegaraan dan memberikan belia rasa kepunyaan dalam sesebuah komuniti. Menurut Astin dan Sax (1998), penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan menjadikan mereka lebih komited membantu orang lain dan bersemangat dalam memperbaiki masalah yang dihadapi masyarakat.

Walaupun begitu, penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan dilihat masih lagi kurang memuaskan. Hal ini kerana berdasarkan kajian yang dijalankan ke atas responden kajian yang terdiri daripada golongan belia mendapati bahawa, hanya 18.2 peratus belia yang menggunakan waktu lapang mereka dengan aktiviti kesukarelawanan. Manakala hanya 15.0 peratus belia yang berumur 15 hingga 25 tahun dan 12.1 peratus belia yang berumur 26 hingga 40 tahun yang menyatakan bahawa mereka berminat untuk terlibat dalam kesukarelawanan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia). Berdasarkan dapatan-dapatan kajian tersebut menunjukkan bahawa masih ramai lagi golongan belia seperti pelajar universiti yang masih kurang berminat untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Permasalahan berkaitan kekurangan penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan yang berlaku pada masa kini telah menimbulkan persoalan tentang faktor yang dapat menggalakkan penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan. Melalui kajian-kajian lepas yang telah dijalankan seperti oleh Francis (2011), Holdsworth (2010) dan Ghose dan Kassam (2012) mendapati bahawa penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan dapat didorong oleh motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

Oleh yang demikian, untuk memastikan matlamat dasar-dasar negara seperti DPBN dan PPPM 2013-2025 dapat dicapai, maka faktor yang mendorong dan menggalakkan penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan terutamanya berkaitan dengan motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan perlu dikaji dengan lebih lanjut.

1.2.1 Latar Belakang Kelab Penyayang

Kajian ini melihat Kelab Penyayang sebagai salah satu badan sukarela yang memberi peluang kepada pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Kelab Penyayang merupakan inisiatif Yayasan Budi Penyayang Malaysia di mana kelab tersebut telah ditubuhkan di beberapa buah Universiti Awam (UA) di Malaysia. Secara umumnya, terdapat beberapa objektif penubuhan Kelab Penyayang iaitu (1) mengenalpasti dan mengambil sebuah rumah kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah warga tua atau rumah kanak-kanak istimewa sebagai rumah angkat untuk memberikan bantuan berterusan secara sukarela kepada rumah tersebut, (2) membantu pelajar UA memahami cara pengurusan rumah kebajikan supaya pelajar UA dapat

menyumbang kepada rumah-rumah kebajikan yang memerlukan kepakaran selepas mereka menamatkan pengajian, (3) menggalakkan pembentukan sahsiah pelajar UA yang mempunyai sikap penyayang dan saling menghormati antara satu sama lain dan (4) membudayakan aktiviti kesukarelawanan (Kelab Penyayang).

1.3 Penyataan Masalah

Pendekatan pendidikan moral melalui penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan merupakan salah satu matlamat yang ingin dicapai dalam DPBN mahupun PPPM 2013-2025. Namun begitu, melalui satu tinjauan yang dilakukan ke atas belia di Malaysia pada 2011 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBPM) mendapati bahawa, hanya 27.1 peratus belia berminat untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Tinjauan tersebut mendapati bahawa hanya 18.2 peratus belia menggunakan waktunya untuk terlibat dalam kesukarelawanan (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia). Peratusan penglibatan belia dalam kesukarelawanan juga turut menunjukkan penurunan berdasarkan laporan Indeks Belia Malaysia (IBM) pada tahun 2011. Laporan IBM tersebut mendapati bahawa skor penglibatan belia dalam kesukarelawanan pada tahun 2011 adalah 65.4 peratus iaitu lebih rendah berbanding skor penglibatan belia dalam kesukarelawanan pada tahun 2008 iaitu sebanyak 67.4 peratus (Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia).

Senario masalah kekurangan bilangan belia untuk terlibat dalam kesukarelawanan juga turut diakui oleh Samsudin (2007) seperti dipetik dalam Dzuhalimi, Haslinda, Azimi, Ismi, Ezhari, Abdul-Lateef, Sarjit, Nobaya dan Turiman (2012) yang mana penglibatan belia khususnya di dalam persatuan belia seperti Majlis Belia Malaysia (MBM) menunjukkan peratusan yang rendah. Hal ini kerana, daripada 6000 persatuan belia yang berdaftar di Malaysia hanya 3000 sahaja persatuan belia yang aktif sekaligus menunjukkan bahawa kurangnya penglibatan belia dalam kesukarelawanan. Berdasarkan kepada permasalahan ini telah menimbulkan persoalan kepada pengkaji tentang mengapa bilangan belia khususnya dalam kesukarelawanan semakin rendah dan berkurangan?. Permasalahan ini tidak seharusnya berlaku memandangkan golongan belia terutamanya pelajar universiti merupakan golongan cerdik pandai yang mempunyai potensi besar untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara. Melalui permasalahan ini telah membawa pengkaji kepada persoalan tentang apakah yang mendorong belia khususnya pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan? Mengapakah dorongan tersebut menjadikan belia khususnya pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan?

Menurut Omoto dan Snyder (1995), penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan didorong oleh motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan di mana mereka menekankan tentang betapa pentingnya padanan antara motivasi dengan kesukarelawanan supaya dapat menggalakkan lebih ramai individu untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Namun begitu, kebanyakan kajian lepas berkaitan motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan yang dijalankan di dalam dan di luar negara adalah berbentuk kuantitatif (Francis, 2011; Ghose & Kassam, 2012; Hwang, Grabb & Curtis, 2005; Khoo & Engelhorn, 2007; Tajul Arifin & Aishah Nadirah, 2013). Sesetengah pengkaji pula hanya menggunakan pendekatan kajian kualitatif untuk melihat dorongan terhadap kesukarelawanan contohnya kajian oleh Jones dan Hill (2003), Hart dan Fegley (1995) dan Chen dan Chen (2011). Walaubagaimanapun, kajian oleh

Holdsworth (2010) sahaja setakat ini yang hanya menggunakan kaedah gabungan (*mixed-method*) dalam mengkaji motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Oleh kerana itu, kajian yang menggunakan kaedah gabungan perlu dilaksanakan bagi mengenalpasti dan memahami motivasi belia khususnya pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

Selain itu, beberapa kajian luar negara telah mengkaji tentang dimensi-dimensi motivasi bagi pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan contohnya seperti Francis (2011), Holdsworth (2010) dan Ghose dan Kassam (2012). Walaupun kajian-kajian tersebut mengkaji tentang dimensi-dimensi motivasi pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan namun, semua kajian tersebut adalah kajian luar negara. Oleh itu, kajian tentang dimensi motivasi pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan dalam konteks di Malaysia perlu dijalankan kerana kajian seumpama ini masih lagi kurang.

Walaupun kajian seperti Planalp dan Trost (2009), Hwang, Grabb dan Curtis (2005), Okun (1994) dan Surjit Singh (2004) telah mengkaji motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan namun, kajian-kajian tersebut dijalankan dalam kalangan orang dewasa dan orang tua. Oleh itu, kajian yang menggunakan sampel kajian yang berbeza iaitu dalam kalangan pelajar universiti perlu dijalankan supaya dapat mengenalpasti dan memahami motivasi mereka untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

Manakala Teori Fungsi oleh Katz (1960) telah menerangkan bahawa suatu tindakan yang dilakukan mempunyai motivasi tertentu. Namun begitu, teori ini tidak menjelaskan dengan lebih khusus tentang apakah motivasi yang mendorong seseorang individu untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Selain itu, teori tersebut tidak menerangkan mengapa motivasi tertentu mendorong sesuatu tindakan yang dilakukan oleh seseorang individu khususnya dalam motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Maka, satu kajian perlu dilakukan bagi mengkaji dengan lebih lanjut tentang persoalan apakah motivasi belia khususnya pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan dan mengapakah motivasi tersebut dapat mendorong belia khususnya pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

Oleh kerana terdapat pelbagai kekurangan dari segi pengetahuan kajian-kajian lepas dan teori maka, satu kajian tentang motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan dalam kalangan belia khususnya pelajar universiti perlu dijalankan.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini ingin mengkaji tentang motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan dalam kalangan belia khususnya pelajar universiti. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji dengan lebih lanjut melalui kajian kes tentang motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan menerusi badan sukarela iaitu Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar di sebuah Universiti Awam (UA).

Secara khusus objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Memperihalkan dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA.
2. Mengenal pasti sub dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA.

1.5 Persoalan Kajian

Berdasarkan objektif di atas, berikut adalah persoalan kajian yang perlu dijawab:

1. Apakah dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA?
2. Apakah sub dimensi motivasi paling utama untuk terlibat dalam Kelab Penyayang dalam kalangan pelajar UA ?.
3. Mengapakah dimensi motivasi paling utama mendorong pelajar UA untuk terlibat dalam Kelab Penyayang?

1.6 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan yang ditetapkan dalam kajian ini. Pertamanya kajian ini mengkaji tentang penglibatan pelajar dalam kesukarelawanan di sebuah Universiti Awam (UA). Oleh kerana itu kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada semua pelajar dari UA yang ada di Malaysia. Batasan kajian yang kedua adalah kajian ini mengkaji tentang penglibatan pelajar UA dalam kesukarelawanan menerusi badan sukarela iaitu Kelab Penyayang di sebuah UA. Maka, kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan kepada keseluruhan pelajar UA yang terlibat dalam Kelab Penyayang. Ketiga, kajian ini mengkaji tentang dimensi-dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan dalam kalangan pelajar UA. Oleh itu, kajian ini memfokuskan hanya kepada pemboleh ubah ini sahaja.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa konsep yang perlu diberikan definisi khusus mengikut konteks kajian bagi memberikan kefahaman yang lebih jelas terutamanya buat pembaca tesis ini. Berikut adalah konsep tersebut:

1.7.1 Kesukarelawanan

Surjit Singh (2004) mendefinisikan kesukarelawanan sebagai suatu tindakan untuk menyediakan khidmat atau membantu tanpa ada bayaran yang diterima dan dilakukan secara sekali-sekala mahupun kerap. Tindakan tersebut dilakukan dalam bentuk masa,

khidmat atau kemahiran kepada badan bukan kerajaan contohnya masyarakat, komuniti, kebajikan, pendidikan, politik dan kelab. Azizan Bahari (2005) mendefinisikan kesukarelawanan sebagai suatu khidmat atau sumbangan yang dilakukan secara sukarela iaitu dengan rela hati, tanpa paksaan serta dengan niat ikhlas tanpa mengharapkan ganjaran material.

Oleh itu dalam kajian ini, kesukarelawanan dimaksudkan sebagai suatu tindakan untuk membantu atau sumbangan yang dilakukan secara sukarela oleh pelajar UA iaitu dengan rela hati dan tanpa ada bayaran serta dilaksanakan melalui sebuah badan sukarela di UA iaitu Kelab Penyayang. Maksud kesukarelawanan dalam kajian ini tidak mengambil kira kerja sukarela yang dilakukan secara informal atau *care-giving* yang membantu individu, rakan dan saudara-mara dalam tempoh masa yang lama atau sementara.

1.7.2 Dimensi-Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan

Motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan bermaksud sebab atau alasan yang diberikan oleh seseorang individu untuk terlibat dalam kesukarelawanan (Clary & Snyder, 1999). Berdasarkan kajian Rehberg (2005), dimensi-dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan bermaksud kumpulan sebab diberikan oleh belia untuk terlibat dalam kesukarelawanan. Manakala kajian oleh Gage III dan Thapa (2012) mendefinisikan dimensi-dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan sebagai kategori sebab yang diberikan oleh pelajar UA untuk terlibat dalam kesukarelawanan yang terdiri daripada nilai peribadi, sosial, peningkatan diri, pembelajaran dan perlindungan diri. Dalam kajian ini, dimensi-dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan bermaksud kumpulan sebab yang diberikan oleh pelajar UA untuk terlibat dalam Kelab Penyayang. Terdapat lima dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan yang diambil kira dalam kajian ini iaitu dimensi motivasi nilai peribadi, kerjaya, sosial, peningkatan diri dan pembelajaran.

1.7.3 Sub Dimensi Motivasi untuk Terlibat dalam Kesukarelawanan

Merujuk kepada Rehberg (2005), sub dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan didefinisikan sebagai sub kumpulan sebab untuk terlibat dalam kesukarelawanan berdasarkan kumpulan sebab yang tertentu. Maka dalam kajian ini, sub dimensi motivasi untuk terlibat dalam kesukarelawanan didefinisikan sebagai sub kumpulan sebab yang diberikan oleh pelajar UA untuk terlibat dalam Kelab Penyayang berdasarkan kumpulan sebab yang tertentu. Contohnya seperti sub dimensi motivasi nilai membantu adalah merupakan salah satu dimensi motivasi nilai peribadi. Penerangan lebih lanjut mengenai kelima-lima dimensi dan sub dimensi motivasi tersebut adalah seperti berikut:

a) Dimensi Motivasi Nilai Peribadi

Didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana nilai-nilai yang penting dalam diri seseorang individu seperti sub dimensi motivasi nilai kemanusiaan dan kepercayaan agama (Clary & Snyder, 1999; Gage III & Thapa, 2012; Holdsworth, 2010). Dalam kajian ini, dimensi motivasi nilai peribadi merujuk kepada penglibatan pelajar UA dalam Kelab Penyayang kerana nilai-nilai yang penting dalam diri seseorang individu seperti nilai kemanusiaan dan contohnya seperti sub dimensi motivasi nilai membantu, rasa belas kasihan, tanggungjawab, keprihatinan dan kepercayaan agama.

b) Dimensi Motivasi Kerjaya

Didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi untuk mendapat pengalaman dan persediaan pekerjaan pada masa hadapan di samping menyediakan kemahiran berkaitan kerjaya (Clary & Snyder, 1999; Francis, 2011). Dalam kajian ini, dimensi motivasi kerjaya merujuk kepada penglibatan pelajar UA dalam Kelab Penyayang kerana sub dimensi motivasi untuk mendapat pengalaman, persediaan pekerjaan masa hadapan dan menyediakan kemahiran berkaitan kerjaya.

c) Dimensi Motivasi Sosial

Didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi untuk menjalinkan hubungan sosial dengan kenalan sedia ada mahupun dengan kenalan baru (Clary & Snyder, 1999; Rehberg, 2005). Seseorang individu juga terlibat dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi pengaruh persekitaran di sekeliling mereka seperti ahli keluarga, rakan, kenalan, masyarakat, institusi pendidikan, institusi keagamaan, laman sosial dan media massa (Bronfenbrenner, 1977).

Dalam kajian ini, dimensi motivasi sosial merujuk kepada penglibatan pelajar UA dalam Kelab Penyayang kerana sub dimensi motivasi untuk menjalinkan hubungan sosial dengan kenalan sedia ada mahupun dengan kenalan baru dan pengaruh persekitaran di sekeliling mereka seperti ahli keluarga, rakan, kenalan, masyarakat, institusi pendidikan, institusi keagamaan, laman sosial dan media massa.

d) Dimensi Motivasi Peningkatan Diri

Didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi meningkatkan dan memperkembangkan perasaan positif bagi tujuan perkembangan peribadi dalam diri mereka sendiri (Clary & Snyder, 1999; Francis, 2011; Gage III & Thapa, 2012). Dalam kajian ini, dimensi motivasi peningkatan diri merujuk kepada penglibatan pelajar UA dalam Kelab Penyayang

kerana sub dimensi motivasi meningkatkan dan memperkembangkan perasaan positif bagi tujuan perkembangan peribadi dalam diri mereka sendiri antaranya seperti meningkatkan harga diri dan mengurangkan perasaan sedih.

e) Dimensi Motivasi Pembelajaran

Didefinisikan sebagai penglibatan seseorang individu dalam kesukarelawanan kerana sub dimensi motivasi mempelajari sesuatu pengetahuan, kemahiran dan mendapatkan pengalaman baru (Clary, Snyder, Ridge, Copeland, Stukas, Hauge & Miene, 1998; Francis, 2011). Dalam kajian ini, dimensi motivasi pembelajaran merujuk kepada penglibatan pelajar UA dalam Kelab Penyayang kerana sub dimensi motivasi mempelajari sesuatu pengetahuan, kemahiran dan mendapatkan pengalaman baru.

1.8 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini meliputi dua aspek iaitu pertama, sumbangan dapatan kajian adalah untuk perkembangan ilmu dalam bidang pendidikan terutamanya pendidikan moral. Kedua, sumbangan dapatan kajian kepada pihak tertentu yang berkaitan dengan penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan. Kajian ini dijangka dapat memberikan sumbangan dalam perkembangan ilmu khususnya untuk menjadikan penglibatan dalam kesukarelawanan sebagai salah satu pendekatan pendidikan moral yang lebih efektif. Seterusnya kajian ini amat penting dalam membantu pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) di peringkat universiti untuk menggalakkan dan meningkatkan penglibatan pelajar universiti dalam kesukarelawanan. Kajian ini juga diharapkan akan dapat membantu pihak yang terlibat dalam badan sukarela di Malaysia supaya dapat merancang strategi yang bersesuaian bagi mendorong lebih ramai pelajar universiti untuk terlibat dalam kesukarelawanan.

1.9 Ringkasan

Ringkasnya, dalam bab ini telah dibincangkan mengenai tujuan kajian dijalankan yang dapat difahami melalui penerangan dalam bahagian penyataan masalah. Beberapa subtopik juga telah diuraikan iaitu mengenai latar belakang kajian, objektif kajian, persoalan kajian, batasan kajian dan definisi operasional kajian. Selain itu, bab ini juga telah menekankan betapa pentingnya kajian ini dijalankan terutama sumbangan kajian ini dalam pendekatan pendidikan moral secara secara lebih efektif dan kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengatasi kekurangan bilangan pelajar universiti yang terlibat dalam kesukarelawanan pada masa hadapan.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Abd. Rashid. (2001). *Nilai-nilai murni dalam pendidikan: Menghadapi perubahan dan cabaran alaf baru*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd, Kuala Lumpur.
- Allison, L. D., Okun, M. A., & Dutridge, K. S. (2002). Assessing volunteer motives: A comparison of an open-ended probe and likert rating scales. *Journal of Community and Applied Social Psychology*, 12, 243–255. DOI: 10.1002/casp.677
- Astin, A. W., & Sax, L. J. (1998). How undergraduates are affected by service participation. *Journal of College Student Development*, 39, 251-263.
- Azizan Bahari. (2005). *Menghayati kerja sukarela*. Qarya Sdn. Bhd Petaling Jaya.
- Azizan Bahari. (2007). *Becoming a volunteer*. International Youth Centre Foundation & Qarya Sdn. Bhd.
- Azimi Hamzah. (2005). *Helping Malaysian youth more forward: Unleashing the prime enablers*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Azhar Md Adnan. (1998). Corak penglibatan ibu yang menyumbang terhadap kebolehan membaca kanak-kanak tahun satu di sekolah-sekolah rendah luar bandar di daerah Miri, Sarawak. *Tesis sarjana yang tidak diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia.
- Bebeau, M. J., Rest, J. R., & Narvaez, D. (1999). Beyond the promise: A perspective on research in moral education. *Educational Researcher*, Vol. 28, No. 4, pp. 18-26. DOI:10.3102/0013189X028004018
- Boss, J. A. (1994). The effect of community service work on the moral development of college ethics students. *Journal of Moral Education* 23(2): 183-198.
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 513-531.
- Bruyere, B., & Rappe, S. (2007). Identifying the motivations of environmental volunteers. *Journal of Environmental Planning and Management*, 50:4, 503-516. <http://dx.doi.org/10.1080/09640560701402034>.
- Chen, Li-Ju., & Chen, J. S. (2011). The motivations and expectations of international volunteer tourists: A case study of “Chinese Village Traditions”. *Tourism Management*, 32, 435–442.
- Clary, E. G., Snyder, M. & Stukas, A. (1996). Volunteers Motivations: Findings from a National Survey. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly* 25(4): 485–505.

- Clary, E. G., Snyder, M., Ridge, R. D., Copeland, J., Stukas, A. A., Haugen, J., & Miene, P. (1998). Understanding and assessing the motivations of volunteers: A functional approach. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74(6), 1516–1530.
- Clary, E. G., & Snyder, M. (1999). The motivations to volunteer: Theoretical and practical considerations. *Current Directions in Psychological Science*, 8(5), 156-159. DOI:10.1111/1467-8721.00037
- Creswell, J. W., & Miller, D. L. (2000). *Determining validity in qualitative and mixed methods approaches*. 2th Edition. Thousand Oaks: Sage.
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2nd ed). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Sage Publications, Thousand Oaks, Calif.
- Dalton, J. C., & Crosby, P. C. (2011). Core values and commitments in college: The surprising return to ethics and character in undergraduate education. *Journal of College & Character*, Vol 12.
- Dzuhailmi Dahalan, Haslinda Abdullah, Azimi Hamzah, Ismi Arif Ismail, Ezhar Tamam, Abdul Lateef Abdullah, Sarjit S. Gill, Norbaya Ahmad & Turiman Suandi. (2012). Malaysia Youth Council (MBM) and its Relevance to Youth Development. *American Journal of Applied Sciences* 9 (7): 974-978, 2012.
- Eyler, J., & Giles, D. E., Jr. (1999). *Where's the learning in service-learning?* San Francisco: Jossey-Bass.
- Flanagan, C., Bowes, J., Johnson, B., Csapo, B., & Sheblanova, E. (1998). Ties that bind: Correlates of adolescents' civic commitments in seven countries. *Journal of Social Issues*, 54, 457–475.
- Francis, J. E. (2011). The functions and norms that drive university student volunteering. *International Journal of Nonprofit and Voluntary Sector Marketing*, 16, 1-12. DOI: 10.1002/nvsm.390
- Gage III, R. L., & Thapa, B. (2012). Volunteer motivations and constraints among college students: Analysis of the volunteer function inventory and leisure constraints models. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 41(3) 405–430. DOI: 10.1177/0899764011406738
- Ghose, T., & Kassam, M. (2012). Motivations to volunteer among college students in India. *Voluntas*. DOI 10.1007/s11266-012-9327-4.
- Habibah Elias & Rahil Mahyuddin. (1990). *Psikologi pembelajaran*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

- Handy, F., Hustinx, L., Kang, C., Cnaan, R. A., Brudney, J. L., Haski-Leventhal, D., & Zrinscak, S. (2010). A cross-cultural examination of student volunteering: Is it all about resume building?. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 39, 498-523. DOI:10.1177/0899764009344353.
- Hart, D., & Fegley, S. (1995). Prosocial behavior and caring in adolescence: Relations to self-understanding and social judgment. *Child Development*, 66,1346-1359.
- Haski-Leventhal, D., Meijis, L. C. P. M. & Hustinx, L. (2010). The third party model: Enhancing volunteering through governments, corporations and educational institutes. *Journal of Social Policy*, Vol 39, pp 139-158. DOI: 10.1017/S0047279409990377
- Holdsworth, C. (2010). Why volunteer? Understanding motivations for student volunteering. *British Journal of Educational Studies* Vol. 58, No. 4: 421–437. <http://dx.doi.org/10.1080/00071005.2010.527666>
- Holstein, J. A., & Gubrium, J. F. (1995). *The active interview*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Hustinx, L., Handy, F., Cnaan, R., Brudney, J. L., Pessie, A. B., & Yamauchi, N. (2010). Social and cultural origins of motivations to volunteer: A comparison of university students in six countries. *International Sociology*, 25(3), 349–382. DOI: 10.1177/0268580909360297
- Hwang, M., Grabb, E., & Curtis, J. (2005). Why get involved? Reasons for voluntary association activity among Americans and Canadians. *Nonprofit and Voluntary Sector Quarterly*, 34 (3),387–403.DOI: 10.1177/0899764005276435
- Jones, S. R., & Hill, K. E. (2003). Understanding patterns of commitment: Student motivation for community service involvement. *The Journal of Higher Education*, Vol. 74 No 5.
- Katz, D. (1960). The functional approach to the study of attitudes. *Public Opinion Quarterly*, 24,163–204.
- Khoo, S., & Engelhorn, R. (2007). Volunteer motivations for the Malaysian Paralympiad. *Tourism and Hospitality Planning & Development*, Vol 4, No.3, 159-167. doi.org/10.1080/14790530701733413.
- Lickona, T. (1991). *Educating for character : How our schools can teach respect and responsibility*. New York: Bantam.
- Lincoln, Y., & Guba, E. (1985). *Naturalistic inquiry*. New York: Sage
- Lim Chong Hin. (2007). *Penyelidikan pendidikan: Pendekatan kuantitatif dan kualitatif*. McGraw-Hill Malaysia Sdn. Bhd.

- Merriam, S. B. (2001). *Qualitative research and case study applications in education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia Skudai.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Newmann, F. M. (1975). *Education for citizen action: Challenge for secondary curriculum*. McCutchan Publishing Corporation, Berkeley, California.
- Omoto, A., & Snyder, M. (1995). Sustained helping without obligation: Motivation, longevity of service, and perceived attitude change among AIDS volunteers. *Journal of Personality and Social Psychology*, 68, 671–687.
- Omoto, A., & Snyder, M. (2002). Considerations of community: The context and process of volunteerism. *American Behavioral Scientist*, 45, 846–867. DOI: 10.1177/0002764202045005007
- Othman Lebar. (2012). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan model*. Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim.
- Okun, M., A. (1994). The relation between motives for organizational volunteering and frequency of volunteering by elders. *Journal of Applied Gerontology*, 13, 115. DOI: 10.1177/073346489401300201
- Padgett, D. K. (1998). *Qualitative methods in social work research: Challenges and rewards*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative research & evaluation methods*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications Inc.
- Penner, L. A., & Finkelstein, M. A. (1998). Dispositional and structural determinants of volunteerism. *Journal of Personality and Social Psychology*, 74, 525–537.
- Penner, L. A., Dovidio, J. E., Piliavin, J. A., & Schroeder, D. A. (2005). Prosocial behavior: Multilevel perspectives. *Annual Review of Psychology*, 56, 365–392.
- Penner, L. A. (2002). Dispositional and organizational influences on sustained volunteerism: An interactionist perspective. *Journal of Social Issues*, Vol 58, No 3 pp. 447-467.
- Penner, L. A. (2004). Volunteerism and social problems: Making things better or worse? *Journal of Social Issues*, Vol 60, No 3 pp 645-666.
- Phellas, C.N., Bloch, A., & Seale, C. (2012). Structured methods: Interviews, questionnaires and observation. Dalam Seale, C (Eds), *Researching society and culture (3rd Edition)*. Sage Publications: UK

- Planalp, S., & Trost, M. (2009). Reasons for starting and continuing to volunteer for hospice. *American Journal of Hospice and Palliative Medicine*, Vol. 26 No. 4. DOI: 10.1177/1049909109333929
- Ramlah Jantan & Mahani Razali. (2002). *Psikologi pendidikan: Pendekatan kontemporari*. McGraw Hill, Kuala Lumpur.
- Rehberg, W. (2005). Altruistic individualists: Motivations for international volunteering among young adults in Switzerland. *Voluntas: International Journal of Voluntary and Nonprofit Organizations*, Vol. 16, No. 2, June 2005. DOI: 10.1007/s11266-005-5693-5.
- Serow, R. C. (1991). Students and voluntarism: Looking into the motives of community service participants. *American Educational Research Journal*, Vol. 28, No. 3, pp. 543-556. DOI: 10.3102/00028312028003543
- Sharifah Fatmawati Alhabshi. (2008). Dalam Chang Lee Hoon., Norani Mohd Salleh., Wan Hasmah Wan Mamat & Vishalache Balakrishnan. *Asia-Pacific moral, civic and citizenship education: New vision and new realities*. University of Malaya.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka bentuk penyelidikan: Falsafah, teori dan praktis*. Penerbit Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Snyder, M., & Omoto, A. M. (2008). Volunteerism: Social issues perspectives and social policy implications. *Social Issues and Policy Review*, 2, 1-36.
- Surjit Singh S/O Uttam Singh. (2004). Volunteerism among retirees: A potential resource for community development. *Tesis PhD yang tidak diterbitkan*. Universiti Putra Malaysia.
- Surjit Singh S/O Uttam Singh, Rahim M. Sail, Bahaman Abu Samah, Raja Ahmad Tajudin Shah & Linda A. Lumayag. (2005). Debunking the myth: the involvement of Malaysian retirees in volunteerism. *Pertanika Journal Social Science and Humanities*, 13 (2), 159-171.
- Tajul Arifin Muhamad & Aishah Nadirah Mohd Alauddin. (2013). Motif penglibatan sukarelawan sukan Institusi Pengajian Tinggi terhadap tahap kepuasan diri. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 38(2), 51-59
- Turiman Suandi. (1991). *Commitment of 4-B (Malaysia) youth leaders towards volunteerism*. University Microfilms International, Ann Arbor.
- Turiman Suandi. (2009). *Volunteerism: Expanding the frontiers of youth development*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia Press 2009.
- Twynam, G., Farrell, J. & Johnston, M. (2002). Leisure and volunteer motivation at a special sporting event. *Leisure/Loisir*, 27, pp. 363-77.
- Vishalache Balakrishnan. (2009). *Pendidikan moral: Untuk universiti dan kolej*. Arah Pendidikan Sdn Bhd.

- Wilson, J. (2000). Volunteering. *Annual Revision Sociology*, 26: 215-40.
- Yin, R. K. (1981). The case study crisis: Some answers. *Administrative Science Quarterly*, Vol. 26, No. 1, pp. 58-65.
- Younis, J., & Yates, M. (1999). Youth service and moral-civic identity: A case for everyday morality. *Educational Psychology Review*, Vol 11, No 4.
- Youniss, J., Yates, M., & Su, Y. (1997). Social integration into peer and adult society: Community service and marijuana use in high school seniors. *Journal of Adolescence Research*, 12, 245– 262. DOI:10.1177/0743554897122006.
- Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Universiti Putra Malaysia. Diakses pada 2 Mac 2013 daripada <http://www.hep.upm.edu.my/>.
- Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Diakses pada 22 Februari 2013 daripada <http://www.ippbm.gov.my/index.php?lang=bn>.
- Kelab Penyayang. Diakses pada 10 April 2014 daripada <http://www.penyayang.org.my/bh-kelab.php>.
- Kementerian Belia dan Sukan. Diakses pada 4 November 2012 daripada <http://www.kbs.gov.mydokumen2011/belia/Dasar%20Pembangunan%20Belia%20Negara.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. Diakses pada 9 Mac 2013 daripada <http://www.moe.gov.my/>.
- Sidek Baba (2006). Kecelaruan identiti remaja banyak sebabnya. *Utusan Malaysia*. Diakses pada 13 Januari 2012 daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2006&dt=0119&pub=utusan_malaysia&sec=bicara_agama&pg=ba_02.htm&arc=hive.